

Intipati ucapan PM dijadikan resolusi

Laporan **ASTORA JABAT, ZULKIFLI JALIL, ISMAIL DAUD, HELMI FOAD** dan **AZMAN CHE MAN**

KUALA LUMPUR 7 Mei — Intipati ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan dijadikan salah satu daripada resolusi Muktamar Ketujuh Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam, kata Menteri Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Menurut beliau, beberapa perwakilan antaranya daripada Maghribi dan Jordan telah mengusulkan agar ucapan Perdana Menteri dijadikan satu ketetapan umum pada penghujung muktamar tersebut selain menjadi panduan kepada negara-negara Islam.

“Kesemua perwakilan amat menyanjung tinggi ucapan Perdana Menteri dan merasa kagum dengan kata-kata beliau yang mempunyai makna mendalam.

“Rata-ratanya menyatakan pandangan Perdana Menteri adalah wajar dan perlu dijadikan garis panduan kepada semua negara Islam

“Mereka menganggap Perdana Menteri bukan sahaja nemimoin malah pemikir,” katanya pada sidang akhbar sempena muktamar tersebut di sini hari ini.

Katanya, pengiktirafan yang diberikan negara-negara Islam terhadap Perdana Menteri sekali gus menafikan segala dakwaan scsetengah pihak sebelum ini yang memperitikaikan kedudukan Malaysia sebagai negara Islam dan menuduh Dr. Mahathir sebagai anti ulama.

Dalam pada itu mengulas pembentangan kertas Kawalan Penerbitan Laman Web oleh Arab Saudi, beliau berkata, negara Islam disaran mengeksploitasi penggunaan Internet dalam usaha menyebarkan dakwah termasuk mengadakan kerjasama dalam bidang teknologi maklumat.

Abdul Hamid berkata, kelemahan umat Islam menguasai bidang berkenaan boleh menjurus kepada kcrapuhan dalam usaha menyebarkan dakwah terutama dalam era siber.

Selain itu, katanya, negara Islam turut disaran memantau laman web yang menggunakan Islam dan ayat al-Quran untuk menarik perhatian masyarakat sedangkan kandungannya menyeleweng dari ajaran Islam sebenar.

Rujukan

“Usaha untuk meningkatkan ilmu dalam bidang ini perlu diperluaskan, misalnya mengadakan laman web yang boleh mengumpul fatwa yang pernah dikeluarkan negara Islam bagi memudahkan masyarakat membuat rujukan,” katanya

Kertas kerja berkenaan adalah salah satu daripada sembilan kertas kerja yang dibentangkan dalam muktamar tiga hari bermula semalam yang disertai kira-kira 250 peserta dari 42 negara Islam.

Selain itu, Abdul Hamid berkata, penguasaan pelbagai bahasa selain Arab penting dalam usaha penyebaran dakwah kepada kumpulan sasar.

“Sejak peristiwa 11 September di

Amerika Syarikat pada tahun lalu, masyarakat dunia terutama Barat ingin mengetahui apa sebenarnya ajaran Islam.

“Bagaimanapun keadaan ini terbatas kerana tiada penjelasan dan maklumat mengenai Islam dalam pelbagai bahasa lain,” katanya.

Mengenai laporan segelintir pelajar Malaysia di Timur Tengah yang dipercayai menjadikan cuti penggal bagi menjalankan gerakan anti-kerajaan di London dan United Kingdom, Abdul Hamid menyerahkan perkara itu kepada Kementerian Pendidikan.

“Kita sedia untuk menghulurkan bantuan, bagaimanapun, kita serah perkara itu kepada Kementerian Pendidikan.

“Kita juga menasihatkan pelajar berkenaan supaya menghentikan perbuatan itu kerana ia tidak berfaedah serta merugikan agama, bangsa dan negara,” katanya.

Akhbar hari ini melaporkan sebilangan pelajar negara ini dikatakan menyamar sebagai pelancong untuk memasuki United Kingdom sebelum mengadakan kelas usrah dan agama yang menyelitikan fahaman anti kerajaan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar dilaporkan berkata, pihaknya sudah menerima laporan mengenai gerakan itu dan difahamkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Penuntut sedang menyiasat dakwaan itu.